

19 dan 20

64

mendengar kata-kataku daripada mereka.”⁸² Kata Qataadah: “Allah menghidupkan mereka sehingga memperdengarkan kepada mereka kata-katanya sebagai mengejek, menghina, mengecam dan menyedihkan serta membuatkan mereka menyesal.”⁸³

⁸² Zahir hadits 3976 ini dan hadits-hadits seumpamanya menunjukkan orang-orang mati mendengar seruan dan percakapan orang-orang yang hidup. Ia merupakan pegangan segolongan ulama. Oleh kerana terdapat beberapa ayat al-Qur'an yang zahirnya menunjukkan orang-orang mati tidak dapat mendengar seruan dan percakapan orang-orang yang hidup pula, segolongan ulama berpendapat hadits 3976 dan hadits-hadits lain seumpamanya perlu dita'wil. Pendek kata para ulama berbeda pendapat dalam masalah ini. Perbedaan pendapat dalam masalah ini bukan sesuatu yang baharu, malah ia telah pun wujud sejak zaman para sahabat lagi. Antara yang termasuk dalam golongan pertama dari kalangan sahabat ialah Ibnu 'Umar dan yang termasuk dalam golongan kedua pula ialah 'Aaishah. Selain hadits di atas, hadits-hadits berikut juga menjadi pegangan golongan pertama, iaitu: (1) Anas bin Malik meriwayatkan, Nabi s.a.w. bersabda: *إِنَّ الْعَبْدَ إِذَا وَضِعَ فِي قَبْرِهِ وَتَوَلَّى عَنْهُ أَصْحَابُهُ إِنَّهُ لَيَسْمَعُ قَرْعَ نَعَالِهِمْ* Bermaksud: Sesungguhnya apabila seseorang hamba (manusia) dikebumikan dan orang-orang yang menghantarnya (ke perkuburan) mula meninggalkannya, ia mendengar bunyi (tapak) kasut mereka (yang sedang berjalan di kawasan perkuburan atau yang sedang meninggalkan kawasan perkuburan di mana ia dikebumikan). (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad, Abu Daud, an-Nasaa'i, Ibnu Hibbaan dan lain-lain. Lafaz hadits ini adalah lafaz hadits Abu Daud dan an-Nasaa'i). Kata mereka, kalau orang-orang mati mendengar bunyi tapak kasut orang-orang yang berjalan di kawasan perkuburan, kenapa mereka tidak akan mendengar seruan atau percakapan orang-orang yang hidup di atas kubur? (2) Abu Hurairah r.a. meriwayatkan, katanya: *أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَرَجَ إِلَى الْمُقَبَّرَةِ فَقَالَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ دَارَ قَوْمٍ مُؤْمِنِينَ وَإِنَّا إِنْ شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لَاجِفُونَ* Bermaksud: Pernah Rasulullah s.a.w. pergi ke perkuburan. Baginda s.a.w. mengucapkan: “Salam sejahtera ke atasmu (orang-orang yang berada) di perkampungan orang-orang mu'min. Sesungguhnya kami (juga) in sya' Allah akan menyusulimu. (Hadits riwayat Malik, Syafi'e, Ahmad, Bukhari, Muslim, an-Nasaa'i, Ibnu Majah, Ibnu Hibbaan dan Abu Daud. Lafaz hadits yang diberikan adalah lafaz riwayat Abu Daud). Kata mereka, kalau orang-orang yang telah mati itu tidak mendengar percakapan orang yang masih hidup, kenapa Rasulullah s.a.w. memberi salam kepada mereka seperti Baginda memberi salam kepada orang-orang hidup dan kenapa Baginda bercakap dengan mereka seperti bercakap dengan orang-orang yang masih hidup? (3) Ibnu 'Abdil Barr dengan sanadnya meriwayatkan daripada Ibnu 'Abbaas r.a. daripada Rasulullah s.a.w. Baginda s.a.w. bersabda: *مَا مِنْ أَحَدٍ يَمُرُّ بِقَبْرِ أَخِيهِ الْمُؤْمِنِ كَانَ يَعْرِفُهُ فِي الدُّنْيَا فَيَسْلَمُ عَلَيْهِ إِلَّا عَرَفَهُ وَرَدَّ عَلَيْهِ السَّلَامَ* Bermaksud: “Tiada seorang pun yang lalu dekat kubur saudaranya yang mu'min yang pernah dikenalnya di dunia, lalu dia memberi salam kepadanya, melainkan dia mengenalinya dan menjawab salamnya.” Kata mereka, kalau orang mati tidak mengetahui apa-apa tentang orang hidup dan tidak mendengar percakapannya, bagaimana hadits ini mengatakan ia mengenali orang yang pernah dikenalnya semasa di dunia dahulu yang datang menziarahinya dan menjawab pula salam yang diberikan oleh orang itu kepadanya? Ibnu 'Abdil Barr, Abu Muhammad 'Abdul Haq al-Isybili dan lain-lain menghukum hadits ini sahih. (4) 'Aaishah sendiri seperti diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Haakim dengan sanad yang sahih pernah berkata: *كُنْتُ أَدْخُلُ بَيْتِي الَّذِي دُفِنَ فِيهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ*

Dengan tiadanya إسماع الموتى tidak semestinya tiada juga سماع الموتى. Keadaannya sama dengan firman Allah berikut:

إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿٥٦﴾

Bermaksud: Sesungguhnya kamu tidak dapat memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang kamu kasihi, tetapi Allah dapat memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya; dan Dialah (jua) yang lebih mengetahui tentang orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk. (al-Qashash;56).

Bukankah dengan menafikan kemampuan Nabi s.a.w. untuk memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikasihi Baginda, tidak memestikan ternafi juga kekuasaan Allah untuk memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya? Begitulah juga dengan penafian kemampuan Nabi s.a.w. menjadikan orang-orang yang mati dapat mendengar, ia tidak bererti menafikan juga kekuasaan Allah untuk memberi pendengaran kepada mereka. Jika diteliti, di dalam kedua-dua ayat tersebut tidak digunakan sighah samaa', tetapi sighah ismaa'. Perbezaan di antara dua cara penggunaan ini difahami oleh semua orang yang belajar ilmu Saraf. Ini bererti yang dinafikan bukan kemampuan orang-orang mati mendengar jika dikehendaki Allah, tetapi yang dinafikan ialah kemampuan manusia memberikan pendengaran kepada orang-orang yang telah mati. (2) Maulana Anwar Syah al-Kashmiri di dalam Faidhul Baari berkata, yang dinafikan oleh Allah di dalam dua ayat itu bukan mendengar semata-mata, tetapi mendengar seperti orang hidup yang dapat memberikan jawapan. (3) Sesetengah ulama berpendapat, yang dinafikan di dalam dua ayat itu bukan semata-mata mendengar, tetapi mendapat faedah daripada mendengar (الانتفاع بالسمع). Sebagaimana tidak bergunanya kepada orang-orang yang telah mati andaikata mereka mendengar sekalipun, begitulah juga dengan orang-orang yang telah dikunci Allah pintu hatinya. Segala nasihat dan peringatan tidak akan berguna kepada mereka, walaupun mereka tidak tuli dan pekak. (4) Perkataan الموتى di dalam ayat 80 Surah an-Naml dan من في القبور di dalam ayat 22 Surah Faathir tidak diguna Allah dalam ma'na hakikinya, malah kedua-duanya telah digunakan sebagai majaan (bahasa kiasan). Ia tidak digunakan dalam ma'na sebenarnya iaitu orang-orang mati atau orang-orang mati yang telah dikuburkan, sebaliknya dengan erti orang-orang kafir yang masih hidup. Mereka diumpamakan dengan orang-orang mati atau orang-orang yang telah menjadi penghuni kubur daripada segi tidak mendengar apa-apa yang dikatakan kepadanya. **Golongan ulama yang berpendapat** orang-orang mati secara umumnya tidak dapat mendengar seruan dan percakapan orang-orang yang hidup pula menjadikan firman Allah yang disebutkan tadi sebagai asas dalam masalah ini. Hadits 3976 dan hadits-hadits lain seumpamanya bagi mereka perlu dita'wil. Antara ta'wilan mereka terhadap hadits 3976 di atas ialah: (1) Hadits 3976 yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik daripada Abi Thalhah itu bukan merupakan dalil yang menyokong golongan yang berpendapat orang-orang mati dapat mendengar, malah sebaliknya ia merupakan dalil yang menyokong pendapat kami atas beberapa alasan berikut:

(a) Tidak mungkin Saiyyidina 'Umar dan para sahabat berani mencelah kata-kata Nabi s.a.w. kepada mayat dua puluh empat orang ketua kafir Quraisy dengan katanya: يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا تَكَلَّمَ مِنْ أَجْسَادٍ لَا أَرْوَاحَ لَهَا (Wahai Rasulallah! Kenapakah Tuan bercakap dengan tubuh-tubuh yang tidak bernyawa itu?). Berdasarkan riwayat Muslim, Ahmad, Nasaa'i, Abu Ya'la, Abu 'Awaanah dan lain-lain, 'Umar mencelah dengan berkata: كَيْفَ يَسْمَعُوا وَأَنَا يُجِيبُوا وَقَدْ حَيُّوا Bermaksud: "Bagaimana mereka akan mendengar dan bagaimana mereka akan menjawab dalam keadaan

mereka sudah menjadi bangkai?” Berdasarkan beberapa riwayat lain pula bukan ‘Umar sahaja yang mencelah tetapi sahabat-sahabat lain juga. Antaranya adalah riwayat-riwayat berikut: (i) Anas bin Malik meriwayatkan, katanya: سَمِعَ الْمُسْلِمُونَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ يُنَادِي عَلَى قَلْبِهِ بَذْرُ يَا أَبَا جَهْلٍ بَنَ هِشَامٍ يَا عُنْبَةَ بَنَ رَبِيعَةَ يَا شَيْبَةَ بَنَ رَبِيعَةَ يَا أُمَيَّةَ بَنَ خَلْفٍ هَلْ وَجَدْتُمْ مَا وَعَدَكُمْ رَبُّكُمْ حَقًّا فَإِنِّي وَجَدْتُ مَا وَعَدَنِي رَبِّي جَهْلٌ بَنَ هِشَامٍ يَا عُنْبَةَ بَنَ رَبِيعَةَ يَا شَيْبَةَ بَنَ رَبِيعَةَ يَا أُمَيَّةَ بَنَ خَلْفٍ هَلْ وَجَدْتُمْ مَا وَعَدَكُمْ رَبُّكُمْ حَقًّا فَإِنِّي وَجَدْتُ مَا وَعَدَنِي رَبِّي حَقًّا قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ تُنَادِي قَوْمًا قَدْ جِئُوا قَالِ مَا أَنْتُمْ بِأَسْمَعٍ لِمَا أَقُولُ مِنْهُمْ وَلَكِنَّهُمْ لَا يَسْتَطِيعُونَ أَنْ يُجِيبُوا Bermaksud: Orang-orang Islam mendengar Nabi s.a.w. menyeru dekat sebuah telaga di Badar dengan kata Baginda: “Wahai Aba Jahal bin Hisyam! Wahai ‘Utabah bin Rabi’ah! Wahai Syaibah bin Rabi’ah! Wahai Umaiyah bin Khalaf! Bukankah kamu telah mendapati benar apa yang dijanjikan Tuhanmu? Sesungguhnya aku telah mendapati benar apa yang telah dijanjikan kepadaku oleh Tuhanku.” Kata mereka (para sahabat): “Wahai Rasulullah! Tuan menyeru orang-orang yang sudah menjadi bangkai?” Jawab Nabi s.a.w.: “Kamu tidak lebih mendengar kata-kataku daripada mereka. Cuma mereka tidak mampu menjawab.” (Hadits sahih riwayat Ahmad, Nasaa’i, al-Baihaqi, ‘Abd bin Humaid, Abu Ya’la dan lain-lain). (ii) ‘Abdullah bin Mas’ud meriwayatkan, katanya: وقف رسول الله صلى الله عليه وسلم على أهل القلب فقال يا أهل القلب هل وجدتم ما وعد ربكم حقاً فإنني قد وجدت ما وعدني ربي حقاً قالوا يا رسول الله هل يسمعون قال ما أنتم بأسمع لما أقول منهم ولكنهم اليوم لا يجيبون Bermaksud: Rasulullah s.a.w. berdiri dekat orang-orang yang dicampakkan ke dalam telaga (mereka ialah beberapa orang ketua kafir Quraisy yang terbunuh dalam peperangan Badar), lalu Baginda berkata: “Wahai orang-orang yang dicampakkan ke dalam telaga! Bukankah kamu telah mendapati benar apa yang dijanjikan Tuhanmu? Sesungguhnya aku telah mendapati benar apa yang telah dijanjikan kepadaku oleh Tuhanku.” Mereka (para sahabat) bertanya: “Wahai Rasulullah! Adakah mereka mendengar?” Jawab Rasulullah: “Kamu tidak lebih mendengar kata-kataku daripada mereka. Cuma mereka tidak mampu menjawab.” (Hadits riwayat at-Thabaraani di dalam al-Mu’jam al-Kabirnya. Kata al-Haitsami di dalam Majma’ az-Zawaa’id, perawi-perawinya adalah perawi-perawi hadits sahih.). (iii) Ibnu ‘Umar meriwayatkan, katanya: اطلع رسول الله صلى الله عليه وسلم على أهل القلب ببدر ثم ناداهم فقال يا أهل القلب هل وجدتم ما وعدكم ربكم حقاً قال ناس يا رسول الله تنادي ناساً أمواتاً قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ما أنتم بأسمع لما أقول منهم menjenguk orang-orang yang dicampakkan ke dalam telaga di Badar, kemudian Baginda menyeru mereka dengan berkata: “Wahai orang-orang yang dicampakkan ke dalam telaga! Bukankah kamu telah mendapati benar apa yang dijanjikan Tuhanmu?” Beberapa orang (sahabat) bertanya: “Wahai Rasulullah! Adakah Tuan menyeru orang-orang yang telah mati?” Jawab Rasulullah s.a.w. “Kamu tidak lebih mendengar kata-kataku daripada mereka.” **Tidak mungkin mereka (para sahabat) berani** mencelah kata-kata Nabi s.a.w. itu kecuali mereka telah pun mengetahui sesuatu asas dalam perkara ini. Sama ada berupa firman Allah di dalam al-qur’an atau sabda Nabi s.a.w. sendiri. Asas yang telah diketahui mereka dalam perkara ini ialah firman-firman Allah yang tersebut tadi. Antara buktinya ialah hadits sahih riwayat Ahmad daripada Anas berikut. Kata Anas: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَرَكَ قَتْلَى بَذْرُ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ حَتَّى جِئُوا ثُمَّ أَتَاهُمْ فَقَامَ عَلَيْهِمْ فَقَالَ يَا أُمَيَّةَ بَنَ خَلْفٍ يَا أَبَا جَهْلٍ بَنَ هِشَامٍ يَا عُنْبَةَ بَنَ رَبِيعَةَ يَا شَيْبَةَ بَنَ رَبِيعَةَ هَلْ وَجَدْتُمْ مَا وَعَدَكُمْ رَبُّكُمْ حَقًّا فَإِنِّي قَدْ وَجَدْتُ مَا وَعَدَنِي رَبِّي حَقًّا قَالَ قَسَمَ عُمَرُ صَوْتَهُ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَتُنَادِيهِمْ بَعْدَ ثَلَاثِ وَهَلْ يَسْمَعُونَ يَقُولُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ (إِنَّكَ لَا تَسْمَعُ الْمَوْتَى) فَقَالَ Bermaksud: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. membiarkan orang-orang kafir yang terbunuh di Badar selama tiga hari sehingga mereka menjadi bangkai. Kemudian Baginda pergi kepada mereka. Sambil berdiri Baginda s.a.w. berkata: “Wahai Umaiyah bin Khalaf! Wahai Abu Jahal bin Hisyam! Wahai ‘Utbah bin Rabi’ah! Wahai Syaibah bin Rabi’ah! Bukankah kamu telah mendapati benar apa yang dijanjikan Tuhanmu?

Sesungguhnya aku telah mendapati benar apa yang telah dijanjikan kepadaku oleh Tuhanku.” Kata Anas: “Suara Nabi s.a.w. (berkata begitu kepada mereka) didengar oleh `Umar. Teruslah beliau bertanya: “Wahai Rasulallah! Adakah engkau menyeru mereka setelah tiga hari mereka terbunuh? Adakah mereka mendengar, sedangkan Allah berfirman: “Sesungguhnya kamu tidak dapat menjadikan orang-orang yang mati mendengar?” Maka bersabdalah Rasulullah s.a.w.: “Demi Tuhan yang nyawaku berada di tanganNya, kamu tidak lebih mendengar kata-kataku daripada mereka. Cuma mereka tidak mampu menjawab.” Para sahabat, termasuk Saiyyidina `Umar selama ini menganggap firman Allah itu umum untuk semua orang yang mati tanpa kecuali. Kerana itulah mereka berasa pelik dan terus bertanya Rasulullah s.a.w. Dengan keluarnya hadits 3976 di atas di mana Rasulullah s.a.w. bersabda, “kamu tidak lebih mendengar kata-kataku daripada mereka. Cuma mereka tidak mampu menjawab” dan hadits-hadits seumpamanya barulah mereka tahu bahawa hukum umum di dalam firman Allah itu boleh dikhususkan oleh dalil-dalil yang lain demi menyatakan hikmat-hikmat tertentu, seperti yang telah berlaku dalam peristiwa tersebut. Taujih (penyelesaian) ini seharusnya diterima, kalau tidak anda mungkin terdedah kepada prasangka yang bukan-bukan terhadap para sahabat Rasulullah s.a.w. Misalnya anda mungkin beranggapan para sahabat itu terlalu biadap kerana sering mendahului Rasulullah s.a.w. Padahal bukankah Allah telah berfirman:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تَقْدِمُوْا بَيْنَ يَدَيِّ اللّٰهِ وَرَسُوْلِهِۦ ۚ وَاتَّقُوْا اللّٰهَ ۚ اِنَّ اللّٰهَ سَمِيْعٌ عَلِيْمٌ ﴿١﴾ يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تَرْفَعُوْا اَصْوَاتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ النَّبِيِّ وَلَا تَجْهَرُوْا لَهُۥ بِالْقَوْلِ كَجَهْرِ بَعْضِكُمْ لِبَعْضٍ اَنْ تَحِطَّ اَعْمَلُكُمْ وَاَنْتُمْ لَا تَشْعُرُوْنَ ﴿٢﴾

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mendahului Allah dan RasulNya (dengan memandai-mandai melakukan sesuatu perkara sebelum mendapat hukum atau kebenaran); dan bertaqwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (1). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengangkat suara kamu melebihi suara Nabi, dan janganlah kamu berkata kepadanya dengan suara yang keras (semasa bercakap dengannya), sebagaimana kerasnya suara sebahagian daripada kamu terhadap sebahagian yang lain, supaya (pahala) amalanmu tidak terhapus, sedang kamu tidak menyedarinya. (2). (al-Hujuraat:1-2).

(b) Apa yang berlaku dalam peristiwa di Badar itu merupakan kes terkecuali. Ia tidak menafikan dan membatalkan asas yang tersebut di dalam firman Allah bahawa orang-orang mati tidak dapat mendengar. Orang hidup tidak dapat memperdengarkan suara atau seruan kepadanya kerana memang mereka tidak diberikan kemampuan mendengar. Sepertimana orang tuli dan pekak yang tidak diberikan kemampuan itu. Apa yang tersebut di dalam hadits 3976 dan hadits-hadits seumpamanya merupakan *واقعة عين لا عموم لها* (peristiwa khusus yang tidak harus diumumkan kandungan hukumnya). Oleh itu anda tidak boleh menyimpulkan, bila Nabi s.a.w. ada menyebutkan di dalam hadits di atas bahawa “kamu tidak lebih mendengar kata-kataku daripada mereka”, maka ia menunjukkan orang-orang mati yang lain juga sama seperti mereka, dapat mendengar semuanya!

(c) Adanya kemampuan mendengar pada ketua-ketua kafir Quraisy yang telah terbunuh dalam perang Badar dan dicampakkan ke dalam sebuah telaga buruk di situ adalah sesuatu yang menyalahi adat sebagai suatu *mu`jizat* kepada Rasulullah s.a.w. Ia tidak berlaku secara berterusan dan buat selama-lamanya. Ia hanya berlaku pada ketika itu sahaja. Antara buktinya ialah hadits 3979 akan datang yang diriwayatkan oleh Ibnu `Umar. Di dalamnya Ibnu `Umar berkata: *نُمُّ قَالَ إِنَّهُمْ*

الآن يَسْمَعُونَ مَا أَقُولُ (Kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sesungguhnya mereka sekarang sedang mendengar apa yang aku katakan”). Lihat bagaimana Nabi s.a.w. mengaitkan kemampuan mendengar mereka dengan kata Baginda “sekarang”. Bukankah ia dengan jelas memberi erti kemampuan mendengar itu diberi Allah kepada mereka pada ketika itu sahaja. Hikmatnya ialah untuk menyatakan mu’jizat RasulNya. Sabda Nabi s.a.w. bahawa مَا أَنْتُمْ بِأَسْمَعَ لِمَا أَقُولُ مِنْهُمْ (kamu tidak lebih mendengar apa yang aku katakan daripada mereka), bukan مَا أَنْتُمْ بِأَسْمَعَ لِمَا يُقَالُ مِنْهُمْ (kamu tidak lebih mendengar apa yang dikatakan (oleh sesiapa saja) daripada mereka) jelas menunjukkan apa yang berlaku dalam peristiwa tersebut adalah khusus dengan Nabi s.a.w. dan ia berlaku sebagai mu’jizat kepada Baginda. Oleh itu tidak boleh sama sekali ia diqiaskan untuk orang-orang lain. Bagi penulis, sebenarnya tidak ada khilaf yang mendasar di antara para sahabat dalam perkara ini, baik di antara Ibnu ‘Umar dan ‘Aaishah sekalipun. Ibnu ‘Umar mungkin sekali telah memahami daripada qaid “sekarang” yang disebutkan oleh Rasulullah di dalam hadits yang diriwayatkannya tadi dengan erti kemampuan mendengar bukan umum untuk semua orang mati dan bukan untuk selama-lamanya. Ia diberikan oleh Allah kepada manusia-manusia tertentu, baik muslim atau kafir dalam keadaan tertentu dan pada ketika-ketika tertentu pula untuk menyatakan sesuatu hikmatNya.

(d) Kefahaman bahawa orang mati pada dasarnya tidak dapat mendengar seperti tersebut di dalam firman Allah di dalam al-Qur’an tetap terpakai. Ia tidak terbatal dengan hadits 3976, 3978, 3979 dan lain-lain. Hadits-hadits itu cuma mengecualikan kes-kes tertentu sahaja. Apabila para sahabat mencelah kata-kata Baginda kepada ketua-ketua kafir Quraisy yang dicampakkan ke dalam telaga di Badar dengan macam-macam ucapan, seperti يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا تَكَلِّمُ مِنْ أَجْسَادٍ لَا أَرْوَاحَ لَهَا (Wahai Rasulullah! Kenapakah Tuan bercakap dengan tubuh-tubuh yang tidak bernyawa itu?), يَا رَسُولَ اللَّهِ كَيْفَ يَسْمَعُونَ وَأَنَا يُجِيبُوا وَقَدْ جِئُوا (Wahai Rasulullah! Bagaimana mereka akan mendengar dan bagaimana mereka akan menjawab dalam keadaan mereka sudah menjadi bangkai?), يَا رَسُولَ اللَّهِ هَلْ يَسْمَعُونَ (Wahai Rasulullah! Adakah mereka mendengar?), يَا رَسُولَ اللَّهِ تَنَادَى نَاسًا أَمْوَاتًا (Wahai Rasulullah! Adakah Tuan menyeru orang-orang yang telah mati?), Rasulullah s.a.w. tidak menegur mereka kerana tersalah memahami maksud firman Allah tersebut. Malah Baginda s.a.w. hanya mengatakan “kamu tidak lebih mendengar kata-kataku daripada mereka” sebagai suatu pengecualian daripada hukum umum yang diberikan oleh firman Allah itu. Ini bermakna secara tersirat terdapat taqrir Rasulullah s.a.w. terhadap apa yang difahami para sahabatnya daripada firman Allah berkenaan.

(e) Apa ertinya Allah mengumpamakan orang-orang kafir yang masih hidup dengan orang-orang mati atau orang-orang yang telah menjadi penghuni kubur? Kenapakah pula Allah mengumpamakan orang-orang kafir yang langsung tidak mahu mendengar ajaran Allah dengan orang-orang tuli dan pekak? Jawabnya kerana mereka (orang-orang yang telah mati itu) tidak mempunyai kemampuan mendengar. Sia-sia saja usaha kamu memperdengar sesuatu kepada mereka. Kalau diterima orang-orang yang telah mati juga dapat mendengar segala-galanya, tidak ada erti lagi Allah mengumpamakan orang-orang kafir dengan mereka! Bukankah menurut ilmu Balaghah sesuatu sifat yang ada pada musyabbah (sesuatu yang diumpamakan) tidak lebih kuat daripada yang ada pada musyabbah bih (sesuatu yang diumpamakan dengannya)? Apabila anda berkata: “Si Khalid berani seperti singa.” Maka maksud anda ialah mengatakan sifat berani ada pada Khalid seperti adanya pada singa. Tetapi sifat berani yang ada pada singa tentunya lebih kuat daripada sifat berani yang ada pada Khalid. Sebab itulah anda mengumpamakan kebenaranian

Khalid dengan keberanian singa. Sifat berani yang ada pada singa diketahui dan diakui semua orang. Tidak pula sifat berani Khalid. Begitu juga dengan sifat tidak mendengar (kebenaran yang dibawa oleh pesuruh-pesuruh Allah) yang ada pada orang-orang-orang kafir, tentunya tidak lebih kuat daripada sifat tidak mendengar yang ada pada orang-orang yang telah mati dan telah menjadi penghuni kubur. Itulah sebabnya orang-orang kafir diumpamakan dengan orang-orang yang telah mati! Kalau orang-orang mati semuanya dapat mendengar pada setiap waktu, tidak ada erti lagi Allah mengumpamakan orang-orang kafir dengan mereka! Kerana mereka lebih baik daripada orang-orang kafir yang masih hidup!!

(f) Perawi hadits 3976, Qataadah sendiri juga percaya orang-orang mati tidak dapat mendengar seruan dan percakapan orang-orang yang hidup sesuai dengan firman-firman Allah yang telah disebutkan di atas. At-Thabari di dalam Tafsirnya meriwayatkan: *حدثنا بشر قال ثنا يزيد قال ثنا سعيد عن قتادة قوله (فَأَنْتَ لَا تَسْمِعُ الْمَوْتَى) هذا مثل ضربه الله للكافر فكما لا يسمع الميت الدعاء كذلك لا يسمع الكافر* Bermaksud: Qataadah mentafsirkan firman Allah *(فَأَنْتَ لَا تَسْمِعُ الْمَوْتَى)*. Kata beliau: “Ini adalah perbandingan yang dibuat Allah untuk orang kafir. Sebagaimana orang mati tidak mendengar seruan orang hidup, begitulah orang kafir tidak mendengar.” Kerana itu apabila hadits ini mengisahkan Nabi s.a.w. telah bersabda: “kamu tidak lebih mendengar apa yang aku katakan daripada mereka”, beliau menganggapnya sebagai suatu yang menyalahi adat dan ia merupakan mu’jizat Nabi s.a.w. Apa yang berlaku menurut beliau ialah yang disebut beliau di hujung hadits 3976, bahawa: “Allah menghidupkan mereka sehingga memperdengarkan kepada mereka kata-katanya sebagai mengejek, menghina, mengecam dan menyedihkan serta membuatkan mereka menyesal.” Ringkasnya menurut Qataadah, mereka mendengar kerana telah dihidupkan oleh Allah untuk seketika sahaja.

(g) Imam Bukhari mengemukakan kata-kata Qataadah dengan sanad yang sama tanpa membuat sebarang komen terhadapnya, mengisytiharkan beliau bersetuju dengan Qataadah dalam masalah ini. Begitulah biasanya cara Bukhari di dalam kitab Sahihnya apabila hendak menyatakan pendapatnya.

Dalil (1) berupa hadits Anas bin Malik yang meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda: *إِنَّ الْعَبْدَ إِذَا وَضِعَ فِي قَبْرِهِ وَتَوَلَّى عَنْهُ أَصْحَابُهُ إِنَّهُ لَيَسْمَعُ قَرْعَ نِعَالِهِمْ* Bermaksud: “Sesungguhnya apabila seseorang hamba (manusia) dikebumikan dan orang-orang yang menghantarnya (ke perkuburan) mula meninggalkannya, ia mendengar bunyi (tapak) kasut mereka (yang sedang berjalan di kawasan perkuburan atau yang sedang meninggalkan kawasan perkuburan di mana ia dikebumikan).”, tidak dapat diterima oleh golongan kedua sebagai dalil yang terang dan jelas tentang orang-orang yang mati sentiasa dapat mendengar suara orang-orang yang hidup atau suara-suara apa saja yang kedengaran di atas muka bumi dan mereka pula terkesan dengannya. Menurut mereka ia masih boleh dijama’ dengan mafhum firman Allah yang menyabitkan orang-orang mati tidak dapat mendengar, andai kata anda menerimanya sebagai sebahagian daripada keadaan yang dikecualikan atau dikhususkan daripada firman-firman Allah itu. Hadits itu sendiri mengkhususkan dapat mendengar hanya pada masa mayat baru dikebumikan dan orang-orang yang menghantarnya (ke perkuburan) mula meninggalkannya. Sebab pada ketika itu ia disoal oleh malaikat-malaikat yang ditugaskan menyoal orang-orang mati.

Dalil (2) berupa hadits Abu Hurairah r.a. yang meriwayatkan: *أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَرَجَ إِلَى الْمُقْبَرَةِ فَقَالَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ دَارَ قَوْمٍ مُؤْمِنِينَ وَإِنَّا إِنْ شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لَاجِفُونَ* Bermaksud: Pernah Rasulullah s.a.w. pergi ke perkuburan. Baginda s.a.w. mengucapkan: “Salam sejahtera ke atasmu (orang-orang

yang berada) di perkampungan orang-orang mu'min. Sesungguhnya kami (juga) in sya' Allah akan menyusulimu.", dibantah oleh golongan kedua dengan dua jawapan berikut: (i) Salam yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w. itu bukan sebagai khithab (seperti percakapan yang ditujukan kepada orang-orang yang hidup) kepada orang-orang yang mati, tetapi ia merupakan doa untuk mereka. Kata Hafiz Ibnu Hajar di dalam al-Ajwibah al-Muhimmahnya: *فخطاب الموتى بالسلام في قول الذي يدخل المقبرة السلام عليكم أهل القبور من المؤمنين لا يستلزم أنهم يسمعون ذلك بل هو بمعنى الدعاء فالتقدير اللهم اجعل السلام عليكم كما نقدر في قولنا الصلاة والسلام عليك يا رسول الله فإن المعنى اللهم اجعل الصلاة والسلام عليك يا رسول الله* Bermaksud: "Memberi salam kepada orang-orang mati dalam ucapan orang yang hendak masuk ke kawasan perkuburan *المؤمنين* *أهل القبور* *عليكم السلام* tidak bererti mereka mesti mendengarnya. Ia bahkan sebagai doa. Taqdirnya ialah: Ya Allah, cucurilah salam sejahtera ke atas mereka. Sebagaimana kita mentaqdirkan ucapan selawat dan salam kita ini *يا رسول الله* *الصلاة والسلام عليك* dengan Ya Allah, cucurilah selawat dan salamMu ke atas Rasulullah." Ertinya ucapan itu walaupun pada zahirnya merupakan khabar tetapi ia pada hakikatnya mengandungi ma'na doa. Di dalam ilmu Balaghah jumlah atau ayat seperti ini dipanggil (خبرية لفظاً إنشائية معنى). (ii) Tidak semestinya sesuatu yang dikhithab (dihadap cakap) mendengar apa yang dikatakan kepadanya. Bukankah terdapat banyak sekali dalil-dalil yang menunjukkan Nabi s.a.w. sendiri dan para sahabatnya berkata sesuatu kepada benda yang tidak ber'aqal pun? Sebagai contoh lihat saja apa kata Rasulullah s.a.w. kepada Mekah: *والله إنك لخير أرض الله وأحب أرض الله إلى الله ولولا أني أخرجت منك ما خرجت* Bermaksud: "Demi Allah! Sesungguhnya engkau adalah sebaik-baik bumi Allah dan bumi Allah yang paling dikasihiNya. Kalau tidak kerana aku dikeluarkan darimu, tentu aku tidak keluar." (Hadits riwayat Ahmad, Abu Daud, Tirmizi, Nasaa'i, Ibnu Majah, Baihaqi, Ibnu Hibbaan, Ibnu Abi Syaibah dan lain-lain). 'Umar pula pernah berkata kepada al-Hajar al-Aswad sebelum beliau mengucapnya: *إِنَّمَا أَنْتَ حَجَرٌ وَلَوْلَا أَنِّي رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَبْلَكَ مَا قَبَّلْتُكَ* Bermaksud: Sesungguhnya engkau tidak lebih dari batu. Kalau tidak kerana aku pernah melihat Rasulullah s.a.w. mengucapmu, tentu aku tidak kucup engkau. (Hadits riwayat Malik, Bukhari, Muslim dan lain-lain).

Dalil (3) berupa hadits marfu' daripada Ibnu 'Abbaas yang dikemukakan oleh Ibnu 'Abdil Barr bahawa Baginda s.a.w. bersabda: *ما من أحد يمر بقبر أخيه المؤمن كان يعرفه في الدنيا فيسلم عليه إلا عرفه* Bermaksud: "Tiada seorang pun yang lalu dekat kubur saudaranya yang mu'min yang pernah dikenalnya di dunia, lalu dia memberi salam kepadanya, melainkan dia mengenalinya dan menjawab salamnya.", tidak layak dijadikan hujah menurut golongan kedua. Kerana ia dihukum dha'if oleh Ibnu al-Jauzi, Ibnu Rajab, al-Albaani dan lain-lain. Menurut as-Syeikh al-Albaani, hadits yang dikemukakan oleh Ibnu 'Abdil Barr ini adalah syaz. Lihat terlebih dahulu hadits berkenaan bersama-sama sanadnya di dalam kitab al-Istizkaar: *أخبرنا أبو عبد الله عبيد بن محمد قراءة مني عليه سنة تسعين وثلاثمائة في ربيع الأول قال أملت علينا فاطمة بنت الريان المستملي في دارها بمصر في شوال سنة اثنتين وأربعين وثلاث مئة قالت حدثنا الربيع بن سليمان المؤذن صاحب الشافعي قال حدثنا بشر بن بكر عن الأوزاعي عن عطاء عن عبيد بن عمير عن بن عباس قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ما من أحد مر بقبر أخيه المؤمن كان يعرفه في الدنيا فسلم عليه إلا عرفه* ورد عليه السلام. Kata al-Albaani, hadits ini sebenarnya adalah hadits yang sama dengan hadits yang dikemukakan oleh Khathib al-Bahdaadi, Ibnu 'Asaakir dan lain-lain daripada Abi Hurairah. Lihat hadits ini bersama-sama sanadnya seperti yang terdapat dalam riwayat Ibnu 'Asaakir di dalam Tarikh Dimasyqnya: *عبد الله بن أحمد أبو محمد الزبيري سمع تمام بن محمد روى عنه أبو القاسم الكاملى قرأت على أبي الحسين أحمد بن كامل بن ديسم عن أبي القاسم عبد الرحمن بن علي بن القاسم الشاهد أنا أبو محمد عبد الله بن أحمد الزبيري أنا تمام بن محمد بن عبد الله الرازي ح وأخبرنا أبو محمد عبد الكريم بن*